

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN
(KOTA KINABALU)**

SOALAN NO. 108

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rundingan projek ECRL, Saluran Paip Pelbagai Produk dan Saluran Paip Gas Trans Sabah dengan China:

- (a) berapa kali, lokasi dan tarikh rundingan telah diadakan; dan
- (b) perbelanjaan terlibat dalam setiap rundingan dan nama dan jawatan pegawai dari pihak China dan Malaysia yang terlibat dalam rundingan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah digantung perlaksanaannya bermula daripada tarikh 03 Julai 2018 sehingga 12 April 2019. Selama tempoh tersebut, pihak Kerajaan telah mengambil langkah segera untuk melaksanakan rundingan semula bagi menentukan hala tuju projek dengan pihak Kerajaan Republik Rakyat China dan pihak China Communications Construction Company Ltd. (CCCC) sebagai kontraktor utama Projek yang telah dilantik dan memeterai perjanjian kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentaulahan (EPCC) Projek ECRL. Rundingan tersebut telah diketuai oleh Tun Daim Zainuddin yang telah dilantik sebagai Duta Khas kepada YAB Perdana Menteri Malaysia. Agensi kerajaan yang mengetuai rundingan tersebut adalah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Berdasarkan makluman dari JPM, di antara bulan Julai 2018 sehingga bulan Ogos 2018, terdapat empat (4) sesi perundingan telah diadakan di antara pihak wakil Kerajaan Malaysia dan wakil Kerajaan China.

Agensi yang mewakili Kerajaan Malaysia adalah seperti berikut:-

1. Jabatan Peguam Negara (AGC);
2. Majlis Perundingan Kerajaan (CEP);
3. Kementerian Kewangan (MoF);
4. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA);
5. Kementerian Pengangkutan (MoT);
6. Kementerian Luar Negeri (MOFA); dan
7. Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL).

Manakala agensi yang mewakili Kerajaan China adalah:

1. Department of Foreign Capital and Overseas Investment (NDRC);
2. Bureau of Property Management, State-Owned Assets Supervision and Administration Commission of the State Council (SASAC);
3. China Communications Construction Company Limited (CCCC);
4. The Export-Import Bank of China (CEB); dan
5. Kedutaan Republik Rakyat China di Malaysia.

Berdasarkan maklumat yang dibekalkan oleh JPM, sesi rundingan pertama telah berjalan dari 17hb Julai 2018 sehingga 18hb Julai 2018 di Beijing, China. Sessi rundingan kedua pula dari 26hb Julai sehingga 27hb Julai 2018 di Kuala Lumpur, Malaysia diikuti oleh sessi rundingan ketiga pada 11hb Ogos 2018 di Beijing, China dan yang keempat pada 14hb Ogos 2018 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Pada tahun 2019, satu lagi sessi rundingan telah dijalankan dari 26hb Februari 2019 sehingga 27hb Februari 2019 di Kuala Lumpur. Susulan dari rundingan ini, satu Perjanjian Tambahan (*Supplementary Agreement*) telah ditandatangani oleh MRL dan CCCC pada 12hb April 2019 bagi projek ECRL ini diteruskan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, projek saluran paip pelbagai produk dan projek saluran paip Trans Sabah kedua-duanya terletak di luar bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Sekian, terima kasih.